

UCAPAN YAB TIMBALAN PRESIDEN UMNO,

DATUK HUSSEIN OHN, DI PEMBUKAAN

KONVENSYEN UMNO PERLIS PADA HARI

SABTU, 8HG DISEMBER, 1973 DI SEKOLAH

MENENGAH SYED HASSAN, KANGAR

JAM 10.30 PAGI.

Saudara Pengerusi,

YB Menteri Besar Perlis dan
Ketua Perhubungan UMNO Negeri,

Pengerusi, Jawatankuasa Badan Perhubungan
Pergerakan Wanita Negeri Perlis,

Pengerusi, Jawatankuasa Badan Perhubungan
Pergerakan Pemuda Negeri Perlis,

Saudara-saudara peserta Konvensyen sekalian,

1. Saya bersyukur ke hadhrat Allah kerana pada hari ini, dengan izinNya, dapat membuat lawatan ke negeri Perlis untuk bertemu muka dengan ahli-ahli UMNO. Lawatan saya ini adalah yang pertama kali ke negeri ini semenjak memegang jawatan baru.

Saya sangatlah sukacita untuk bertemu dan berkenalan dengan saudara, dari semua peringkat ahli UMNO. Mengambil kesempatan ini, inginlah saya mengucapkan tahniah kepada Badan Pertubuhan UMNO Negeri, kerana dapat menyusun Konvensyen ini, iaitu pertama kali diadakan dalam organisasi parti kita. Langkah ini sangatlah baik, dalam usaha mendidik ahli dan kader parti supaya mereka penuh dedikasi dan dapat menyumbangkan tenaga secara positif, kepada parti dan seterusnya kepada negara.

2. Saya yakin, banyak hasil yang akan dapat kita peroleh dari Konvensyen ini, khasnya di segi kesedaran yang timbul dari semangat dan persefahaman yang diwujudkan itu.

Saudara-saudara sekalian,

3. Tujuan diadakan Konvensyen ini, seperti yang telah ditegaskan oleh Tun Presiden, ialah:

Untuk mendidik ahli dan kader parti supaya mereka menjadi ahli parti yang setia dan berguna serta dapat memberikan sumbangan tertentu kepada parti sesuai dengan perkembangan politik, ekonomi dan sosial tanah air.

Kedua, menerusi Konvensyen seperti ini, kita dapat memelihara dan menambahkan perpaduan, kekuatan dan ketuhanan parti. Dari sinilah setiap dasar parti dapat diturunkan kepada peringkat bahagian dan

seterusnya cawangan supaya rantai yang menghubungkan pemimpin tinggi dapat disalurkan kepada ahli, di peringkat bawah.

Ketiga, sekiranya kita mahu supaya parti kekal menjadi Kerajaan dan memerintah negara, mustahaklah pemimpin-pemimpin Kerajaan dan parti, di semua peringkat, meletakkan kepentingan parti dan rakyat di atas kepentingan peribadi. Kita tidak sekali-kali rela yang parti dijadikan tunggangan untuk faedah sendiri.

Keempat, menerusi Konvensyen ini, kita sentiasa dapat berunding dengan rakyat dan mengetahui akan fikiran mereka.

Proses ini seterusnya menjadikan semangat rakyat sentiasa kuat dan teguh. Dalam konteks ini, setiap pemimpin parti hendaklah sentiasa menumpukan usaha supaya kepentingan rakyat dibela dan keyakinan rakyat kepada parti dan Kerajaan tetap teguh.

4. Kita patut bersyukur kerana dengan izin Tuhan dan berkat perpeduan ahli, parti UMNO sekarang ini adalah menjadi parti yang terkuat, bersatu padu dan sangat dihormati oleh kawan dan lawan. Yang demikian, pandangan orang ramai terhadap imej parti, pada keseluruhannya, sangat baik dan mestilah dipelihara.

Untuk menentukan supaya perkembangan parti berjalan dengan lancar dan mendapat sokongan, adalah menjadi kewajipan kita supaya setiap masalah rakyat diambil tahu dan cuba diselesaikan. Perkembangan politik tanah air, memerlukan pengetahuan dan kesedaran yang lebih mendalam di kalangan pemimpin dan kader parti, terutama sekali wanita dan pemuda. Dan dari Konvensyen inilah, kita dapat meningkatkan kebolehan dan keupayaan kader-kader parti pada peringkat rendah atau 'grass root level' supaya dapat menghadapi hal ehwal rakyat dan masa depan, dengan penuh keyakinan dan motivation.

Saudara-saudara,

5. Haluan perjuangan politik masa depan sudah ternyata pada kita. Konsep Kerajaan Campuran Perikatan/Pas telah berjalan baik dan kerjasama ini telah dapat membulatkan kekuatan politik, khasnya perpaduan orang Melayu. Ini sangatlah berfaedah, mengingat bahawa perpaduan ini kurang kukuh di masa yang lepas, ketika parti kita saling bertentangan. Kita berdoa kerjasama ini dapat diteruskan di masa depan supaya tenaga parti, dapat ditumpukan kepada usaha yang lebih besar dan lebih mendalam.

6. Oleh yang demikian, kekuatan parti dibulatkan bagi menghadapi masalah pembangunan, soal memperbaiki kehidupan rakyat yang kurang bernasib, menghadapi anasir-anasir anti nasional yang cuba mengambil kesempatan dari keadaan inflasi dan juga gulungan yang mengancam keselamatan negara dengan menyebarkan diayah memperkecil atau menentang Kerajaan, serta juga cuba menolak cara hidup demokrasi berparlimen.

Saudara-saudara sekalian,

7. Tiga hari yang lepas, Kerajaan telahpun membentangkan belanjawan bagi tahun 1974.

Terdahulu dari itu, Dewan Rakyat telah meluluskan

Laporan Mengenai Kajian Semula Penggal

Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua.

Berdasarkan kepada belanjawan yang dikemukakan serta juga hasil kajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua, kita bolehlah mengambil kesimpulan tentang kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan pada mentadbirkan negara ini.

8. Secara ringkas, kejayaan ekonomi ini tentulah dapat mengujutkan keyakinan yang bertambah pada pemodal-pemodal dalam dan luar negeri. Ia juga dapat mengadakan kestabilan politik dan ekonomi dalam negara. Sesungguhnya, kejayaan seperti ini, adalah satu bukti yang nyata tentang kecakapan dan kesempuan Kerajaan memerintah dengan mendapat sokongan penuh daripada rakyat.

Berdasarkan kepada kenyataan ini, tidaklah dapat disangkal bahwa kejayaan tersebut secara tidak langsung, adalah satu-satunya hasil daripada usaha rakyat sendiri.

9. Kita berharap, di masa yang akan datang, kejayaan seperti ini dapat dikokalkan sekalipun kita menghadapi berbagai masalah. Dalam pada itu, satu perkara besar yang dihadapi oleh negara ialah masalah inflasi. Sebagaimana yang telah saya tegaskan dan menurut kenyataan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini dengan harapan dan tujuan mengurangkan bebanan inflasi kepada rakyat.

10. Langkah ini termasuklah menghapuskan cukai kemasukan kepada barang keperluan makanan dan lain-lain dan kita berharap kesan daripada langkah ini akan dapat dirasakan.

11. Dalam pada itu, tugas menghapuskan inflasi ini janganlah diletakkan kepada Kerajaan semata-mata. Saudara-saudara juga boleh membantu. Upama, perbanyakkan pengeluaran barang-barang makanan, jangan memazirkan wang dengan membeli barang-barang yang tidak perlu kerana perbuatan ini menambahkan inflasi, gunakan wang untuk perbelanjaan yang berfaedah seperti membeli rumah kedai, membangun tanah dengan membuang amalan tradisi, melaburkan wang secara menanam modal.

12. Selain dari itu, superkara lagi yang ditimbulkan sekarang ialah masalah kekurangan beras yang sengaja dibuat-buat. Punca masalah ialah kerana manipulasi dari pengilang-pengilang, dari pembahagi dan pemborong beras yang semata-mata menjalankan perdagangan mereka untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar, tanpa menghiraukan kesulitan dan penderitaan orang ramai. Golongan ini hendaklah sedar bahawa perbuatan ini khianat dan jika diteruskan, Kerajaan tidak teragak-agak bagi mengambil tindakan sewajarnya.

13. Saudara-saudara yang tinggal di Perlis dan juga negeri Kedah, tentulah tidak merasakan masalah beras ini.

Tetapi, yang menjadi masalah kepada saudara kaum petani di sini telah bagaimana hendakkan harga padi yang tinggi. Saya harap hal ini dapat diselaraskan, supaya kepentingan petani dan orang ramai yang membeli beras dapat ditibangkan.

14. Ape yang saya harapkan dari petani-petani telah membanyakkan pengeluaran padi dan beras bagi memenuhi keperluan negara. Dengan kerjasama daripada saudara untuk memandu petani, saya yakin tujuan kita menghasilkan padi dan beras yang cukup di negara ini dapat dicapai.

15. Di bawah pimpinan Datuk Menteri Besar dan juga pemimpin parti di negeri Perlis ini,

kita akan dapat mewujudkan keadaan di mana bukan saja rakyat seluruh negara mempunyai keperluan makanan yang cukup, tetapi juga keadaan penghidupan petani akan dapat dipertingkatkan dan diperbaiki.

Saudara-saudara sekalian,

16. Sesuatu dengan konvensyen ini, patutlah saya menyatakan sesuatu mengenai hubungan parti, Kerajaan dan rakyat.

17. Orang selalu bersungut kita lambat bertindak terhadap sesuatu. Terlalu banyak red tape. Terlalu banyak bureaucracy hingga kerja tak dapat berjalan lancar. Mereka bersungut kita terlalu banyak bertimbang rasa, terlalu 'tolerant' konon dan tidak tegas.

10. Saya mahu katakan bahawa sistem demokrasi seperti di Malaysia ada buruk dan ada baiknya. Ada kelebihan dan ada kelemahan. Tetapi, kelebihanannya ialah ia menghargai kebebasan individu. Ia berdasarkan 'rule of law'. Bahawa Kerajaan dipilih oleh rakyat dan boleh digantikan oleh rakyat. Ada pertimbangan atau 'checks and balances' supaya kuasa atau 'power' tidak dipegang secara mutlak oleh orang yang memegang kuasa. Kerana itu, perubahan-perubahan yang hendak kita jalankan selalu kelihatan lambat, tidak tegas, pada mata kasar. Pada orang yang tak sabar, mereka katakan: mengapa tidak tegas, mengapa Kerajaan terlalu banyak mahu menimbang kepentingan orang lain?

Apa hiraukan fikiran orang, kepentingan kita mesti didulukan, diberikan priority?

19. Cara fikiran demikian hanya sesuai dalam masyarakat yang 'regimented' (a regimented society) bukan satu masyarakat yang demokratik, yang ada parliament, yang ada prinsip seperti rukunegara. Dalam masyarakat yang regimented, Kerajaan memerintah melalui "decree". Apa yang difikir patut oleh Perdana Menteri atau oleh Presiden, itulah yang dijalankan, ia tidak bertanggungjawab kepada parliament. Kalau ia ada perhimpunan seperti parliament pun, maka parliament itu bertanggungjawab kepadanya. Banyak juga telah diperkatakan mengenai bantuan Kerajaan. Seperti yang saudara maklum, bantuan

Kerajaan mesti digunakan sebaik-baiknya. Kata peribahasa Melayu, "Cunong setinggi manapun bila digali, akan rata jua akhirnya."

Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua menguntukkan berjuta-juta ringgit untuk pembangunan. Ini semuanya untuk kebajikan rakyat. Tetapi, wang berjuta-juta ringgit ini kalau digunakan dengan tanpa perhitungan, akan habis jua. Misalnya, kalau Mara beri pinjaman \$200,000 kepada seorang bumiputera untuk berniaga, maka wang itu diharapkan boleh menjadi \$400,000. Dengan ini, tidak sahaja saudagar itu akan terjamin masa depannya, tetapi juga negara akan beruntung kerana wang itu berkecambah.

Yang demikian, janganlah sesialkan wang bantuan Kerajaan. Kalau Kerajaan buka klinik, bukanlah kerana Parti hendak memancing undi. Tetapi, Kerajaan ingin melihat jenerasi baru kita kelak sihat. Rakyat yang sihat ialah rakyat yang berguna kepada negara.

Saudara-saudara,

20. Masa ini ialah masa yang crucial, yang berupa masa ujian untuk kita semua. Kalau kita gagal dalam pembangunan, negara dan rakyat akan terdedah kepada berbagai-bagai bahaya dan ancaman. Dunia sekarang terduga dengan berbagai-bagai ujian — zaman meleset dan sebagainya. Negara kita tentulah akan tersentuh juga, tetapi kalau kita semua bersatu padu,

menyokong rancangan-rancangan Kerajaan dalam tiap bidang politik, ekonomi dan sosial - nescaya kita akan dapat mengatasi ujian-ujian itu.

Saudara-saudara sekalian,

21. Berbalik kepada konvensyen ini, saya berharaplah supaya saudara akan dapat membincangkan kertas kerja mengenai politik dan ekonomi secara mendalam dan menentukan sikap kita. Setelah itu hendaklah sentiasa membulatkan tikad, menaabah azam terhadap parti dan bersedia dalam menghadapi apa jua keperluan dan kepentingan parti.


22. Pada satu masa, kita akan menghadapi pilihanraya. Soal menentukan pilihanraya ini adalah kewajipan Perdana Menteri berpandukan

nasihat pucuk pimpinan parti dan Kerajaan. Sudah pasti saat pilihanraya ini ditentukan pada ketika yang difikirkan memberi munafaat kepada parti dan negara. Oleh itu, bersedialah saudara-saudara bagi menghadapi keadaan ini. Saya harap jentera parti hendaklah digerakkan dan penyokong-penyokong parti hendaklah sentiasa diberi gambaran dan penjelasan tentang hasil usaha yang telah dicapai oleh Kerajaan serta faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh rakyat di bawah pimpinan dan pemerintah Kerajaan yang ada sekarang.

23. Dengan harapan, nasihat serta syor-syor yang telah saya kemukakan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan konvensyen UMNO negeri Perlis bagi tahun 1973.

Samoga dengan Inayah Tuhan, parti kita dan saudara-saudara sekalian akan sentiasa mendapat taufik dan hidayah daripadanya.

Torimakasih.





No. Siri 578
No. Penerimaan 88/79